



## INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

### Semantik Kognitif dalam Peribahasa Melayu Bersumberkan Air

Muhamad Amirul Sahdun<sup>1</sup>, Nurul Jamilah Rosly<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup>*Kulliyah Bahasa & Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

\*E-mel pengarang koresponden: [nuruljamilah@iium.edu.my](mailto:nuruljamilah@iium.edu.my)

#### ABSTRAK

Sesuatu bangsa kebiasaannya berkongsi pelbagai perkara dalam kehidupan seperti prinsip, falsafah dan norma kehidupan yang diperakui dan diterima secara bersama yang akan membentuk akal budi, budaya dan cara hidup sesebuah bangsa. Kajian ini membahaskan peluasan leksikal air dalam peribahasa Melayu berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) dan Kamus Peribahasa Melayu (2015). Seterusnya, kajian ini juga membincangkan pemikiran masyarakat Melayu dalam pembentukan peribahasa bersumberkan 'air' berdasarkan kerangka semantik kognitif (2008) yang dinyatakan oleh Imran Ho Abdullah dalam kajiannya Analisis Kognitif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan Anjing. Kajian ini menganalisis 10 peribahasa Melayu yang terdapat dalam Kamus Peribahasa Melayu (2015) dengan menjadikan pendekatan Semantik Kognitif (2008) sebagai sandaran. Berdasarkan dapatan kajian ini juga mendapati bahawa unsur air lazimnya dipetakan kepada suatu yang suci seperti nasihat dan pengajaran serta dipetakan juga kepada sifat dan sikap manusia. Pengkaji mengenal pasti dan membahaskan empat makna teras dan 10 makna pinggiran yang terhasil daripada leksikal air. Secara keseluruhannya, impak penghasilan kajian ini telah menjadi perintis buat kajian yang akan dilaksanakan pada masa akan datang dan menambah penyelidikan berkaitan bidang semantik kognitif.

*Kata kunci: semantik kognitif, peribahasa Melayu, air, leksikal, makna.*

## PENGENALAN

Bahasa merujuk kepada alat yang digunakan dalam perhubungan oleh sesuatu kumpulan masyarakat bagi menyatakan fikiran dan perasaan. Selain itu, bahasa menjadi medium yang berkesan dalam menyampaikan sesuatu maklumat dan berhubung dengan masyarakat. Sistem bahasa adalah penting dalam membina konsep diri dan untuk membentuk pengilmuan dalam diri manusia serta telah wujud sejak zaman Nabi Adam A.S lagi. Hal ini dapat dilihat melalui surah al-Rum yang terdapat dalam al-Quran pada ayat ke 22:

“Dan di antara tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan kebijaksanaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi serta perbezaan bahasa dan warna kulit kamu. Sesungguhnya demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang yang berilmu.”

Masyarakat Melayu tradisional kaya dengan pelbagai karya kesusasteraan Melayu tradisional seperti gurindam, syair, pantun, cerita rakyat dan peribahasa. Kesusasteraan lisan Melayu merupakan salah satu karya kesusteraan Melayu. Karya kesusasteraan lisan ini menggambarkan kebijaksanaan pemikiran orang Melayu terdahulu dalam menyampaikan nasihat dan pesanan. Pelbagai kajian yang telah dilaksanakan berkaitan dengan kesusasteraan Melayu tradisional seperti cerita rakyat, syair, peribahasa, gurindam dan juga pantun. Kebanyakan kajian yang dilaksanakan bertujuan untuk mengkaji dengan lebih mendalam mengenai kebijaksanaan pemikiran masyarakat Melayu berdasarkan pemikiran dan juga struktur yang terdapat dalam karya lisan.

Karya sastera tradisional seperti peribahasa Melayu merupakan sebuah karya tradisional yang wujud dari dahulu lagi. Orang Melayu menggunakan karya tradisional ini sebagai salah satu pedoman dan panduan hidup. Hal ini demikian kerana, peribahasa diterapkan pelbagai pengajaran yang dapat dipelajari. Seterusnya, unsur-unsur alam sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan orang Melayu. Hal ini kerana, berdasarkan unsur ini, masyarakat Melayu dapat belajar memahami segala isi alam dan mengaplikasikannya dalam kehidupan harian. Pelbagai karya kesusasteraan Melayu seperti peribahasa, pantun, gurindam dan syair dihasilkan berdasarkan alam sekeliling. Kesusasteraan didefinisikan sebagai ungkapan manusia dan alam. Oleh itu, unsur-unsur alam terdapat dalam karya sastera itu harus dikaji kebijaksanaan terhadap penggunaannya agar dapat dijadikan sebagai suatu sumber ilmu (Hashim Awang, 2003).

Penggunaan metafora dalam ungkapan peribahasa yang menggunakan unsur-unsur alam seperti haiwan dan tumbuh-tumbuhan menjadikan suatu peribahasa itu mempunyai nilai yang tinggi dan tampak lebih indah. Terdapat

tanda yang harus digali maksudnya untuk dijadikan sebagai panduan dan pedoman oleh masyarakat (Noraini, 2016). Oleh yang demikian, penyelidikan ini akan membahaskan peribahasa Melayu bersumberkan salah satu unsur alam semula jadi, iaitu unsur air berdasarkan penerapan metafora konsepsi yang berada di bawah teori semantik kognitif (2008). Hubungan antara alam sekitar dengan masyarakat Melayu merupakan satu ikatan hubungan yang kukuh. Hal ini demikian kerana, alam semula jadi sudah tidak asing lagi dengan kehidupan masyarakat Melayu. Kehidupan masyarakat Melayu dapat dilihat pada asalnya hanya tertumpu pada penerokaan kawasan hutan dan di persisiran sungai. Tambahan lagi, kegiatan utama yang dijalankan ialah pertanian dan menangkap hasil laut. Hubungan keakraban antara orang Melayu dan alam semula jadi membuktikan ikatan yang terjalin dengan kejadian alam. Kejadian yang berlaku pada alam semula jadi telah menjadi iktibar, pengajaran dan panduan kepada kehidupan orang Melayu. Kajian ini dijalankan berpandukan dua objektif utama, iaitu mengenal pasti perluasan leksikal air dalam peribahasa Melayu berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) dan Kamus Peribahasa Melayu (2015) dan membincangkan pemikiran masyarakat Melayu ke atas pembentukan peribahasa bersumberkan air berdasarkan kerangka kognitif semantik (2008).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Salah satu sastera tradisi lisan yang amat bernilai bagi pengguna bahasa Melayu ialah peribahasa Melayu. Kewujudan peribahasa dalam kehidupan orang Melayu telah memperlihatkan kehebatan minda dan akal fikiran masyarakat Melayu tradisional. Hal ini dapat dibuktikan melalui kehebatan orang Melayu apabila terdapat elemen-elemen alam dimasukkan dalam peribahasa Melayu. Hal ini membuktikan bahawa proses pembentukan peribahasa ini menunjukkan pengarang dan pencipta banyak menerapkan dan mengaitkan interaksi alam dengan manusia, interaksi sesama manusia dan interaksi manusia dengan Allah.

Pelbagai elemen semula jadi yang diterapkan ke dalam peribahasa Melayu sama ada haiwan, tumbuh-tumbuhan, air, tanah, udara, alam semesta dan sebagainya. Penerapan elemen-elemen ini adalah bertujuan untuk dijadikan sebagai perumpamaan kepada mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang. Hal ini menyaksikan bahawa pengarang atau pencipta sering mengaitkan interaksi sesama manusia, interaksi yang berlaku antara manusia dengan alam dan interaksi manusia dengan Allah melalui proses penciptaan karya sastera (Norhayati Ab. Rahman, 2015). Unsur alam digunakan sebagai simbol metafora dan mewujudkan lapisan-lapisan makna, iaitu makna air yang tersirat dalam peribahasa tersebut. Elemen semula jadi yang diaplikasikan dalam peribahasa mempunyai perlambangan yang tertentu. Perlambangan yang dimaksudkan perlu dikenal pasti berdasarkan pentafsiran dan penilaian terhadap unsur alam tersebut. Tanda-tanda

tersebut mengandungi maksud atau makna tersirat yang perlu difahami dengan jelas dan teliti. Berdasarkan kajian-kajian mengenai hasil sastera perlu ditafsir untuk memperolehi maknanya dan setiap ungkapan atau perumpamaan membawa makna tersirat yang mesti dicungkil dengan “mata hati” (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014).

Oleh itu berdasarkan kajian ini, pengkaji akan mengenal pasti unsur alam yang dijadikan sebagai tanda dalam peribahasa. Hal ini demikian kerana, kajian seperti ini perlu wujud dan pemfokusan terhadap proses pentafsiran perlu dilakukan terhadap simbol-simbol yang dibawa oleh unsur alam tersebut. Seterusnya, kajian ini akan menghasilkan makna kepada peribahasa yang dikaji dan akan menghuraikan makna-makna tersebut secara keseluruhannya. Kajian ini akan memfokuskan kepada peribahasa yang bersumberkan air sebagai subjek atau bahan untuk dikaji. Pengkaji mengumpul dan menganalisis 10 peribahasa yang menerapkan unsur alam, iaitu unsur air.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Kepentingan peribahasa dapat dilihat menerusi kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini sama ada dari dalam negara mahupun dari luar negara. Kajian-kajian ini bukan sekadar memfokuskan terhadap penyelidikan peribahasa secara umum tetapi kajian peribahasa yang lebih khusus berteraskan pendekatan yang tertentu. Sebagai contoh, pada tahun 2009, Rozaimah Rashidin dan Noriza Daud (2009) dalam kajian bertajuk “Unsur perlambangan dalam bahasa Melayu: Satu analisis Teori Relevans” menggunakan Teori Relevans dalam kajiannya mengenai peribahasa. Seterusnya, kajian Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Mohd. Rasdi Saamah (2013) juga mengaplikasikan kerangka etnografi komunikasi dalam menaikkan peribahasa yang berhubung dengan haiwan bagi membahaskan mengenai perlambangan positif dan negatif dalam peribahasa Melayu.

Seterusnya, ketika mencermati kajian terdahulu pengkaji mendapati bahawa kajian-kajian yang dijalankan lebih berfokus kepada peringkat kognitif dan semantik sahaja. Hal ini demikian kerana, kajian mengenai peribahasa bukan hanya terbatas pada pengkajian makna, perbezaan dan persamaan serta kognitif masyarakat penuturnya sahaja. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2014) dalam kajian bertajuk “Semantik dan Akal Budi Melayu”, aspek pemikiran dan kognitif merupakan dua aspek yang berbeza. Kognitif adalah lebih berupa proses yang dilakukan secara abstrak yang berlaku dalam fikiran selepas terhasilnya sesuatu pengeluaran yang terhasil dalam idea yang konkrit. Pemikiran yang konkrit ini didefinisikan sebagai satu bentuk fikiran yang sihat dan baik yang menggambarkan kecerdasan seseorang penutur. Pendekatan ini merupakan

sebuah pendekatan yang terbaik bagi memahami takrif dalam konteks kajian semantik di Malaysia (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014).

Terdapat kajian pada peringkat sarjana yang ditulis oleh Imran Ho Abdullah pada tahun 2011 yang bertajuk Analisis Kognitif Semantik Peribahasa Melayu bersumberkan Anjing. Kajian ini membincangkan mekanisme kognitif dalam pemikiran dan minda yang membentuk peribahasa melibatkan haiwan dalam dari sudut linguistik kognitif. Pengkaji menggunakan teori kognitif untuk mengkaji peribahasa-peribahasa yang dipilih. Kajian ini membahaskan mengenai kognitif manusia yang membuatkan berlaku pembentukan peribahasa-peribahasa yang menerapkan unsur haiwan dari sudut linguistik kognitif. Peribahasa yang bersangkutan-paut dengan kata “anjing” diteliti oleh pengkaji. Penghuraian mengenai mekanisme kognitif, iaitu metafora, metonimi dan peranan mekanisme dalam pembentukan sesuatu peribahasa dijadikan sebagai hujah-hujah kajian ini. Hasil kajian memperlihatkan perkaitan di antara peribahasa dengan minda. Pengkaji memandang interpretasi sesuatu peribahasa itu bersandarkan konsep kognitif semantik. Namun, objektif yang ingin dicapai dalam kajian akan dilakukan berbeza dengan kajian ini. Pengkaji tidak memperlihatkan melalui kajiannya mengenai unsur keunikan dan kecerdikan dalam pembentukan peribahasa dari sudut susunan perkataannya berdasarkan kepada aspek pemikiran masyarakat Melayu. Hal ini kajian yang akan dijalankan berbeza dengan kajian ini dimana pengkaji akan meneliti dan membahaskan keindahan sesuatu peribahasa itu sehingga peribahasa itu memberi impak kepada masyarakat yang mengamalkannya.

Pada tahun 2012, terdapat kajian yang bertajuk Aspek Kognitif dalam Pembentukan Simpulan Bahasa Kata Makan oleh Anida Sarudin. Penyelidikan ini bertujuan untuk meneliti budaya dan cara pemikiran orang Melayu terhadap pembentukan simpulan bahasa yang menggunakan perkataan “makan”. Kajian ini mengumpul 16 simpulan bahasa yang terdapat dalam peribahasa Melayu bersumberkan leksikal “makan”. Penganalisan kajian ini menggunakan pendekatan semantik kognitif sebagai sandaran. Berdasarkan kajian ini, pengkaji membincangkan mengenai proses intelek yang berlaku dalam pembentukan simpulan bahasa kata “makan”. Perkataan makan yang digunakan dalam pembentukan simpulan bahasa adalah kerana pemetaan di antara domain pengetahuan. Domain yang difokuskan dalam kajian ini ialah pemetaan domain sumber kepada domain sasaran.

Tambahan lagi, kajian ini juga ada mengaitkan makna perkataan ‘makan’ dari sudut pandangan Islam. Sebagai contoh, simpulan bahasa makan angin. Ciri atau domain tempat terlibat dalam perbuatan makan. Kebiasaannya, manusia akan lebih cenderung untuk memilih kawasan atau tempat makan yang selesa. Dari sudut pandangan Islam, agama ini menggalakkan umatnya menjaga kebersihan.

Agama Islam menyeru umatnya atau penganutnya agar makan makanan yang bersih di tempat yang bersih. Walaupun pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah sama dengan pendekatan yang akan dilakukan, namun berbeza dari segi subjek kata itu sendiri. Kajian yang akan dilakukan adalah mengenai perkataan air. Secara amnya, air mempunyai sifatnya yang tersendiri yang dapat dikaitkan dengan kehidupan manusia dari segi personaliti, perangai dan sifat. Kajian yang akan dilakukan juga menumpukan kepada perbuatan air itu sendiri seperti dicincang dan tenang yang dikaitkan dengan perbuatan manusia, ragam dan sikap manusia. Berbeza dengan kajian Anida Sarudin (2012) yang memfokuskan kepada kata makan dan domain makan. Selain itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada simpulan bahasa sahaja manakala kajian yang akan dilakukan akan meliputi empat cabang di bawah peribahasa Melayu, iaitu simpulan bahasa, bidalan, perumpamaan dan pepatah.

Kajian yang seterusnya ialah kajian yang menganalisis peribahasa Melayu bersumberkan leksikal “ikan” menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Penyelidikan ini dijalankan oleh Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nurasikin Wan Ismail pada tahun 2016. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneliti falsafah dan akal budi masyarakat kaum Melayu yang terkandung dalam peribahasa Melayu. Pengkaji memfokuskan kepada pengaplikasian kata “ikan” dalam peribahasa Melayu berdasarkan pendekatan semantik inkuisitif. Kajian ini menjelaskan mengenai fenomena yang berlaku dalam peribahasa serta dapat mencungkil kreativiti dan kepintaran masyarakat Melayu yang tinggi daya kognitifnya. Kajian ini mengumpulkan peribahasa-peribahasa Melayu bersumberkan kata “ikan” daripada pangkalan data Malaycivilization.com sebagai bahan kajian. Kajian yang akan dilakukan berbeza dengan kajian ini. Hal ini demikian kerana, kajian ini menggunakan pendekatan semantik Inkuisitif manakala kajian yang akan dilakukan akan menggunakan pendekatan kognitif semantik dari sudut metafora konsepsi. Oleh hal yang demikian, hasil atau dapatan kajian juga akan berbeza di antara satu sama lain dek kerana pendekatan yang digunakan untuk setiap kajian adalah berbeza.

Terakhir, kajian “Bahasa Dan Pemikiran Dalam Peribahasa Melayu” oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011) menghubungkan pemikiran yang terdapat dalam peribahasa Melayu dengan konsep hipotesis yang diasaskan oleh Sapir (1921). Penggunaan bahasa yang digunakan dalam karya sastera, iaitu peribahasa dikatakan memiliki perkaitan yang berubah-ubah di antara perilaku, sikap dan pemikiran seseorang. Sesebuah bahasa berkait rapat dengan nilai hidup dan kepercayaan seseorang individu. Sikap seseorang individu didorong dengan membentuk keterangan terhadap alam sekeliling seterusnya diungkapkan melalui bahasa. Penyelidikan ini amat berguna buat pengkaji yang ingin melakukan kajian berkenaan gaya pemikiran masyarakat Melayu. Berdasarkan dapatan kajian membuktikan bahawa berlaku kesejajaran

dengan pendapat yang dinyatakan oleh Sapir (1921), iaitu bahasa menetapkan pemikiran seseorang individu.

Oleh yang demikian, kajian ini mengutamakan gaya seseorang berfikir dan perkaitannya dengan moral dan tingkah laku manusia. Berbeza dengan kajian yang akan dilakukan dengan kajian ini kerana pengkaji akan membuat penelitian mengenai keberkesanan ilmu semantik kognitif dan seterusnya menghuraikan cara pemikiran masyarakat Melayu terhadap peribahasa Melayu bersumberkan leksikal “air”.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian merupakan salah satu bahagian yang memainkan peranan penting dalam pelaksanaan sebuah kajian. Bab ini membicarakan mengenai kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakan penyelidikan ini. Seterusnya bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan. Sulaiman Masri (2005), menyatakan bahawa proses pengumpulan data ialah salah satu proses mengumpul pelbagai pemboleh ubah yang boleh didapati. Seterusnya, proses ini juga membantu penyelidik menentukan kaedah, teknik dan prosedur yang sesuai dengan kajian yang akan dijalankan.

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), menyatakan bahawa sesuatu perkataan atau ujaran mempunyai dua makna, iaitu makna teras dan makna pingiran. Sesuatu bangsa kebiasaannya berkongsi pelbagai perkara dalam kehidupan seperti prinsip, falsafah dan norma kehidupan yang telah diperakui dan diterima secara bersama dan membentuk akal budi, budaya dan cara hidup sesebuah bangsa. Budaya dan akal budi ini akan menyatukan sesuatu bangsa dan menjadi pembeza dengan bangsa yang lain. Bahasa Melayu ialah cerminan pemikiran dan kehidupan orang Melayu. Oleh itu, bab ini akan menganalisis makna peribahasa bersumberkan leksikal “air”. Pengkaji akan mengenal pasti perluasan makna berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) dan Kamus Peribahasa Melayu edisi kelima (2015). Seterusnya, pengkaji akan ke objektif kedua, iaitu menganalisis leksikal air berdasarkan kerangka kognitif semantik.

## **DAPATAN KAJIAN**

Bahagian ini akan menghuraikan perluasan makna air dan seterusnya membincangkan makna peribahasa Melayu yang berunsurkan air berdasarkan kerangka semantik kognitif.

## PERLUASAN MAKNA AIR

Kebanyakan peribahasa Melayu menggambarkan pelbagai aspek pemikiran dan kehidupan orang Melayu. Aspek kehidupan dan pemikiran yang dapat dilihat dalam simpulan bahasa. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), leksikal air mempunyai dua makna, iaitu makna teras dan makna pinggiran. Lima makna leksikal itu dinyatakan dalam Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1: Makna leksikal “Air” menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010)

LEKSIKAL	MAKNA
Air i	Cecair yang terbentuk dari dua bahagian hidrogen dan satu bahagian oksigen
Air ii	<b>berair</b> – sesuatu yang berisi air atau mengeluarkan air
Air iii	<b>pengairan</b> – satu perbuatan atau hal mengairi (sesuatu kawasan)
Air iv	<b>mengairi</b> – 1. memberi (menyalurkan, membekalkan) air ke, menggenangi (sawah dll); 2. memberi minum


Leksikal “air” merupakan perkataan yang tergolong di bawah kata nama. Hal ini dapat dilihat dalam definisi makna teras. Berdasarkan Jadual 1 di atas, leksikal “air” membawa makna cecair yang terbentuk dari dua bahagian hidrogen dan satu bahagian oksigen. Sumber alam ini digunakan oleh manusia dan seluruh hidupan di atas muka bumi ini. Selain itu, perkataan “air” juga mendukung maksud sesuatu yang berisi air atau mengeluarkan air. Sebagai contoh, kolam dan sungai yang mengandungi air di dalamnya. Pengkaji mendapati bahawa leksikal “air” boleh ditambahkan imbuhan awalan ber- sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Tambahan, leksikal “air” juga ada membawa maksud yang lain iaitu satu perbuatan atau hal mengairi sesuatu kawasan. Sebagai contoh, perkataan “pengairan” ini digunakan untuk menggambarkan suatu perihal mengairi Kawasan pertanian seperti sawah padi mempunyai saluran untuk mengalirkan air ke sawah. Imbuhan apitan peng-dan -an juga ditambah pada leksikal “air” dan membawa makna yang lain.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), perkataan air iv membawa dua makna. Makna yang pertama adalah memberi iaitu menyalurkan dan membekalkan air ke sesuatu benda atau kawasan seperti sawah dan sungai. Makna yang kedua pula ialah perbuatan memberi minum kepada orang dan haiwan. Dalam konteks ini, leksikal “air” dibolehkan untuk menerima imbuhan apitan



meng- dan -i lalu membentuk satu kata terbitan iaitu “mengairi” dan membawa maksud yang sama.



Rajah 1: Rajah jaringan radial makna teras dan makna pinggiran bagi leksikal air

Berdasarkan jadual di atas, terdapat empat makna teras bagi leksikal air dan keempat-empat makna ini dirujuk berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2010). Makna teras bagi leksikal air ialah air, iaitu cecair yang berdasarkan gabungan dua bahagian hidrogen dan satu bahagian oksigen. Seterusnya, terdapat juga tiga leksikal air yang ditambahkan imbuhan padanya yang membawa maksud berbeza antara satu sama lain, iaitu berair, pengairan dan mengairi.

Terdapat 10 makna pinggirian leksikal air diutarakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Makna pinggirian ialah ikatan persaudaraan dan nasihat. Seterusnya, leksikal air juga dikaitkan dengan sifat dan sikap manusia, iaitu perbuatan banyak bercakap, tidak berputus asa dan saling berselisih. Selain itu, berdasarkan peribahasa Melayu leksikal air juga digambarkan dengan nasib seseorang, kebaikan dan keburukan seseorang. Pengkaji akan menerangkan secara rinci mengenai makna pinggirian leksikal air bagi menjawab objektif kedua. Pengkaji akan melihat leksikal-leksikal air yang terdapat dalam peribahasa Melayu berdasarkan kerangka kognitif semantik.

## LEKSIKAL AIR BERDASARKAN KERANGKA SEMANTIK KOGNITIF

Berikut ialah beberapa domain makna bagi peribahasa Melayu bersumberkan perkataan “air”:

Jadual 2: Kata “Air” dan maknanya menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010)

No.	Kod	Peribahasa	Makna
1	P1	<b>Air</b> beriak tanda tak dalam	Ramai bercakap biasanya tanda tak berilmu
2	P2	<b>Air</b> besar sampan tak hanyut	Maksud yang tidak tercapai
3	P3	<b>Air</b> dicincang tak akan putus	Pergaduhan antara adik-beradik tidak akan berpanjangan
4	P4	Bagai minyak dengan <b>air</b>	Orang yang bermusuhan atau tidak sependapat mustahil dapat disekalikan
5	P5	Bagai <b>air</b> titik ke batu	Memberi ajaran atau nasihat yang sia-sia.
6	P6	Bagai <b>air</b> mencari jenisnya	Seseorang yang tidak berputus asa menuntut ilmu
7	P7	<b>Air</b> susu dibalas dengan <b>air</b> tuba	Kebaikan dibalas dengan kejahatan
8	P8	<b>Air</b> pun ada pasang surutnya	Nasib seseorang sentiasa berubah dan tidak menentu.
9	P9	Bagai mencurah <b>air</b> ke daun keladi	Tidak mendengar nasihat seseorang atau perbuatan yang sia-sia
10	P10	<b>Air</b> tenang jangan disangka tiada buaya	Orang yang pendiam jangan disangka bodoh atau penakut.

Kata “air” merupakan kata yang berada dalam kategori kata nama dan perkara ini jelas terkandung pada makna teras. Berdasarkan jadual di atas, terdapat 12 peribahasa Melayu yang dipilih oleh pengkaji bersumberkan kata “air”. Sebanyak lapan peribahasa yang memaparkan “air” sebagai Pelaku atau protagonis sesuatu perbuatan, iaitu sebanyak 66.67 peratus. Seterusnya, sebanyak tiga peribahasa yang memaparkan “air” sebagai objek atau antagonis perbuatan manusia, iaitu sebanyak sebanyak 25.00 peratus dan hanya satu peribahasa sahaja yang memaparkan “air” sebagai objek, iaitu sebanyak 8.33 peratus.

Peribahasa yang memaparkan “air” sebagai pelaku atau protagonis sesuatu perbuatan dapat didefinisikan melalui sifat air itu. Interpretasi peribahasa-peribahasa ini perlu dikaitkan dengan sifat yang terdapat pada unsur air itu sendiri berdasarkan aspek-aspek saintifik. Beberapa contoh peribahasa yang berskema sedemikian dianalisis seperti di bawah:

### 1. Air dicincang tak akan putus

Jadual 3: Peribahasa “Air dicincang tak akan putus”

SUMBER (METAFORA)	SASARAN
Air	Ikatan persaudaraan
dicincang	Perbuatan meleraikan
tak akan	Unsur penidakan
putus	Ikatan yang terpisah

Air merupakan suatu unsur yang berbentuk cecair yang tidak dapat dipisahkan walaupun dibelah, dipotong dengan sebarang alat pemotong. Elemen air diibaratkan sebagai hubungan kekeluargaan atau ikatan persaudaraan seperti hubungan antara ahli keluarga. Perbuatan “dicincang” dalam peribahasa ini merujuk kepada perselisihan dan pergaduhan yang berlaku dalam satu-satu hubungan kekeluargaan misalnya pergaduhan antara adik-beradik. Hubungan ini tidak akan putus dek kerana pada pengakhirannya hubungan ini pasti akan berbaik semula. Tanda “air” yang terdapat dalam peribahasa ini adalah untuk menggambarkan atau memaparkan satu pertalian kekeluargaan.

Tambahan lagi, bagi mengungkapkan pertalian kekeluargaan ini, tanda “air” dimasukkan atau diterapkan dalam peribahasa agar dilihat sebagai sesuatu yang alamiah. Menurut Wan Abdul Kadir Wan Yusuf pada tahun 1994, seseorang yang mempunyai rasa tanggungjawab terhadap keluarganya dan kelompoknya.

Menurut Wan Ibrism Fikry (2017), hubungan kekeluargaan perlu dijaga, iaitu dengan mengamalkan sikap ziarah menziarahi, saling memberikan hadiah dan saling menyayangi antara satu sama lain. Tambahan lagi, pokok yang tidak

dibaja akan terbantut dan tidak subur lalu akan mudah mati selain menjadikannya kelihatan buruk dan tidak segar walau hidup sekalipun.

## 2. **Bagai mencurah air ke daun keladi**

Jadual 4: Peribahasa “Bagai mencurah air ke daun keladi”

SUMBER (METAFORA)	SASARAN
Bagai	Perumpamaan kepada sesuatu
mencurah air	Perbuatan memberikan nasihat
ke daun keladi	Perbuatan yang sia-sia

Peribahasa yang seterusnya menunjukkan bahawa penggunaan atau perletakkan tanda air dilihat seperti dalam jadual di atas. Peribahasa bahasa Melayu ini ‘bagai mencurah air ke daun keladi’ membawa maksud bahawa seseorang yang memberikan nasihat kepada orang yang degil merupakan satu perbuatan yang sia-sia. Elemen “air” dalam peribahasa ini merujuk kepada nasihat yang diberikan oleh seseorang. Seterusnya, perkataan “mencurah” pula merujuk kepada perbuatan seseorang yang memberi. Penggunaan unsur tumbuhan dalam peribahasa ini, iaitu “daun keladi” pula adalah untuk menggambarkan bahawa perbuatan tersebut merupakan perbuatan yang sia-sia. Hal ini demikian kerana, di atas permukaan daun keladi dilitupi oleh satu lapisan lilin yang kalis air yang dinamakan kutikel berlilin. Lapisan ini akan menghalang air daripada meresap ke dalam daun dan hanya akan membenarkan air mengalir di atasnya sahaja (Ayu, 2014).

Di samping itu, simbol air yang diterapkan dalam peribahasa ini merupakan suatu perbuatan positif. Simbol ini membawa maksud seseorang yang memberi nasihat. Hal ini demikian kerana, unsur air merupakan salah satu unsur alam semula jadi yang digunakan pada setiap hari begitu juga dengan perbuatan manusia terutama sekali golongan yang lebih tua yang sering memberikan nasihat kepada anak-anaknya atau golongan yang lebih muda.

### 3. Air tenang jangan disangka tiada buaya

Jadual 5: Peribahasa “Air tenang jangan disangka tiada buaya”

SUMBER (METAFORA)	SASARAN
Air tenang	Orang yang pendiam
jangan	Perbuatan menidakkan
disangka	Perbuatan mengganggu
tiada buaya	Tiada sifat takut

Berdasarkan rajah di atas, tanda “air” yang terdapat dalam peribahasa Melayu ini menggambarkan seseorang yang pendiam. Peribahasa ini secara harfiahnya membawa maksud bahawa satu anggapan yang lahir daripada seseorang terhadap orang yang pendiam bukanlah seorang yang pengecut.

Seterusnya, kesinambungan antara “air tenang” dan “buaya” dilihat sebagai satu hubungan yang bukan linear. Hal ini demikian kerana, buaya merupakan objek luaran yang tidak menggambarkan sifat dalaman air. Perkaitan hubungan ini menggambarkan bahawa masyarakat Melayu memandang sesuatu perkara itu secara menyeluruh dengan meneliti persekitaran yang wujud di sekeliling. Namun, hal ini telah melanggar prinsip yang dinyatakan oleh Lakoff (1993).

Walau bagaimanapun, penggunaan tanda “air tenang” dalam peribahasa ini adalah berkaitan dengan kedalaman paras air dan hal ini menggambarkan bahawa lazimnya seseorang yang pendiam mempunyai pengetahuan yang banyak atau seseorang yang bijak. Oleh hal yang demikian, perkara ini bersifat linear dan menepati dengan kenyataan yang dinyatakan oleh Lakoff (1994). Hal ini demikian kerana, sifat kedalaman paras air merupakan objek dalaman ranah sumber yang dipindahkan kepada objek dalaman ranah sumber sasaran. Hal ini merujuk kepada sifat kebijaksanaan seseorang atau seseorang yang berilmu. Perkaitan ini mengekspresikan bahawa masyarakat memandang sesuatu perkara itu secara berfokus serta tidak memanipulasikan sifat sesuatu alam yang wujud ke dalam bentuk yang bersesuaian dengan peribahasa yang dicipta.

#### 4. Menangguk di air keruh

Jadual 6: Peribahasa “Menangguk di air keruh”

SUMBER (METAFORA)	SASARAN
Menangguk	Perbuatan mencari keuntungan
di	Keberadaan
air keruh	Orang yang dalam kesusahan

Berdasarkan rajah di atas dapat dilihat kepada konsep metafora peribahasa yang merujuk kepada perbuatan seseorang yang cuba untuk mencari keuntungan atau manfaat daripada orang lain. Dengan kata lain, seseorang yang ingin mengambil kesempatan daripada keadaan kesusahan dan kekalutan orang lain demi kepentingan diri sendiri. Tanda “air” dalam peribahasa ini diberikan sifat keruh. Penandaan ini membawa maksud kepada orang yang berada dalam kesulitan atau kesusahan.

Peribahasa ini ditujukan kepada orang yang mengambil kesempatan daripada kekeruhan yang berlaku seperti nelayan yang menangkap ikan dengan mudah semasa air sedang keruh. Hal ini demikiran kerana, mangsanya, iaitu ikan tidak dapat melihat dengan jelas ketika air keruh dan menyukarkan ikan-ikan tersebut untuk melarikan diri. Hal ini menyebabkan ikan-ikan mudah untuk ditangkap oleh nelayan.

#### 5. Bagai minyak dengan air

Jadual 7: Peribahasa “Bagai minyak dengan air”

SUMBER (METAFORA)	SASARAN
Bagai	Perumpamaan kepada sesuatu
minyak dengan air	Selalu berselisih

Peribahasa bahasa Melayu ini membawa maksud orang selalu berselisih. Dengan kata lain, orang yang bermusuhan atau tidak sependapat mustahil dapat disekalikan. Kata “air” dalam peribahasa ini dilihat pada sifat air itu sendiri. Sifat air dan minyak adalah berbeza berikutan molekul air dan molekul minyak tidak akan bercampur antara satu sama lain secara saintifiknya. Molekul air adalah lebih berat daripada molekul minyak. Hal ini menyebabkan lapisan air akan berada di bahagian bawah dan lapisan minyak akan berada di atas.

Seterusnya, fenomena ini digunakan oleh masyarakat Melayu untuk menggambarkan sikap atau sifat yang bertentangan. Perspektif masyarakat Melayu menggunakan situasi “bagai air dengan minyak” sebagai satu persepsi

terhadap sesuatu situasi selisih faham antara dua pihak. Penggunaan perkataan “air” dan “minyak” dalam peribahasa ini jelas menggambarkan pemikiran orang Melayu yang meneliti setiap perkara yang berlaku di persekitaran.

## 6. Air beriak tanda tak dalam

Jadual 8: Peribahasa “Air beriak tanda tak dalam”

SUMBER (METAFORA)	SASARAN
Air beriak	Banyak bercakap
tanda	Gambaran
tak dalam	Tidak berilmu

Maksud bagi peribahasa Melayu ini adalah banyak bercakap selalunya tidak berilmu. Dalam erti kata lain, orang yang banyak bercakap kebiasaannya dianggap kurang berilmu atau bercakap saja lebih tetapi sebenarnya tidak tahu sesuatu perkara itu secara mendalam. Keberadaan tanda “air” dalam peribahasa Melayu ini membawa maksud kata kerja bercakap. Unsur “air” dalam peribahasa ini diberikan perbuatan “beriak”. Perkataan “beriak” di sini digambarkan sebagai sesuatu yang banyak dan secara keseluruhannya makna yang ingin disampaikan dengan frasa “air beriak” ialah seseorang yang banyak bercakap atau bercakap sesuka hati.

Selain itu, unsur “air” dalam peribahasa ini juga diberikan sifat “tak dalam” atau cetek. Sifat “tak dalam” membawa makna seseorang yang kurang berilmu atau seseorang yang berkata sesuatu tetapi tidak membawa sebarang makna. Berdasarkan peribahasa ini, jelaslah bahawa masyarakat Melayu dahulu tidak meletakkan sesuatu kata pada peribahasa dengan sewenang-wenangnya. Hal ini diperlihatkan dalam peribahasa ini dimana maknanya dilihat menerusi sifat unsur air yang diberikan, iaitu “beriak” dan “tak dalam”.

## 7. **Bagai air mencari jenisnya**

Jadual 9: Peribahasa “Bagai air mencari jenisnya”

<b>SUMBER (METAFORA)</b>	<b>SASARAN</b>
Bagai	Perumpamaan kepada sesuatu
air	Tidak berhenti
mencari jenisnya	Berusaha menuntut ilmu

Janganlah seseorang itu untuk berhenti menuntut ilmu. Itulah maksud yang disampaikan dalam peribahasa yang dinyatakan seperti di atas. Kegigihan seseorang dalam menuntut ilmu digambarkan melalui perkataan “air” yang terdapat dalam peribahasa ini. Fungsi penandaan “air” yang terdapat dalam peribahasa Melayu ini dilihat pada sifat air yang sentiasa mengalir ke suatu lokasi atau tempat akan mengubah jenis air tersebut. Hal ini jelas menggambarkan masyarakat Melayu sangat peka dengan alam di sekeliling. Fungsi air yang mengalir dan perubahan yang berlaku pada unsur air itu turut dilihat oleh orang Melayu sendiri.

Selain itu, makna bagi frasa “mencari jenisnya” membawa maksud perbuatan menuntut ilmu. Air yang mengalir di saluran akan menemukan penghujung. Jikalau air itu mengalir ke sungai, jenis air akan menjadi air tawar manakala jika air itu mengalir ke laut, air itu akan bertukar jenis menjadi air masin. Sentuhan-sentuhan kecil seperti ini membuatkan pengkaji berasa kagum dengan pemikiran masyarakat Melayu yang sangat teliti.

## **KESIMPULAN**

Pemikiran masyarakat Melayu yang sangat teliti terhadap alam yang berada di sekeliling telah mewujudkan kepelbagaian makna terhadap leksikal “air”. Hasil analisis data menunjukkan bahawa istilah "air" yang digunakan pada masa ini mempunyai 10 makna pinggiran. Makna-makna pinggiran ini membuktikan bahawa kata “air” telah berlaku peluasan makna berdasarkan penggunaannya dan penyampaiannya dalam peribahasa-peribahasa bahasa Melayu. Peluasan makna ini telah membuatkan sehingga tercipta makna baharu.

Berdasarkan dapatan kajian, leksikal air dalam peribahasa Melayu membawa kepada dua makna, iaitu makna teras dan makna pinggiran. Terdapat empat makna teras yang dibahaskan oleh pengkaji dan makna bagi keempat-empat makna teras ini dirujuk berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2010). Seterusnya, pengkaji juga membahaskan 10 makna pinggiran bagi leksikal air. Pengkaji menganalisis makna pinggiran bagi leksikal air berdasarkan kognitif



masyarakat dan alam sekeliling orang Melayu menggunakan pendekatan Semantik Kognitif (2008).

Seterusnya, berdasarkan hasil perbincangan kajian terdapat pelbagai implikasi atau kesan yang wujud. Antaranya kesan yang menunjukkan bahawa peribahasa Melayu adalah salah satu asas pendidikan dan pembentukan masyarakat. Hal ini demikian kerana, hal ini terbukti apabila tanda-tanda yang terdapat dalam peribahasa Melayu adalah menjurus kepada untuk mendidik dan membina akhlak masyarakat di masa akan datang. Unsur kiasan yang diterapkan dalam peribahasa Melayu adalah untuk mendidik manusia agar menjaga adab, akal budi, perlakuan dan tutur kata serta mengamalkan konsep berbuat baik antara satu sama lain. Berdasarkan penyelidikan ini, pengkaji mendapati bahawa peribahasa-peribahasa Melayu ini mempunyai peranan yang besar dalam kehidupan manusia.

Pengkaji menyarankan agar pengkaji selepas ini dapat memberikan tumpuan dalam menjalankan penyelidikan mengenai unsur alam yang lain seperti unsur api, unsur tanah dan tumbuh-tumbuhan. Selain itu, pengkaji juga mencadangkan agar pengkaji selepas ini mengkaji berkenaan semantik kognitif tetapi melihat kepada medium yang lain seperti lirik lagu, gurindam, pantun dan sebagainya. Hal ini demikian kerana, kepelbagaian kajian ini membolehkan para pencinta sastera lisan dapat mengambil manfaat daripada kajian-kajian yang dijalankan.

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa unsur alam, iaitu unsur “air” mewujudkan hubungan yang rapat dengan kehidupan masyarakat Melayu. Selain itu, penandaan ini juga mampu membentuk masyarakat Melayu menjadi sebuah masyarakat yang baik dan harmoni. Nilai dan pengajaran yang terdapat peribahasa Melayu boleh dijadikan sebagai panduan oleh manusia bagi memperkasakan penggunaan peribahasa Melayu dalam kehidupan tambahan lagi zaman kini yang semakin hari semakin menuju ke arah kemodenan.

## **RUJUKAN**

- Ainon Mohd. & Abdullah Hassan. (2008). *Teori dan teknik terjemahan*. PTS Professional.
- Amira Razlan. (2013). *Perbandingan pentafsiran leksikal haiwan dalam peribahasa Melayu dengan peribahasa Cina dan Tamil*. [Tesis sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia.
- Amirah Ahmad & Rozaimah Rashidin. (2011). Terjemahan ‘air’ dalam peribahasa Melayu-Inggeris: Analisis semantik kognitif. *Jurnal Linguistik*, 13(6), 1-12.

- Anida Sarudin. (2012). Aspek kognitif dalam pembentukan simpulan bahasa kata makan. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 3, 97-115.
- Arbak Othman. (2008). *Semiotik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (1993). Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2008). Ensiklopedia bahasa Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Imran Ho Abdullah. (2011). Analisis kognitif semantik peribahasa Melayu bersumberkan anjing (Canis Familiaris). *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(1), 125-141.
- Imran Ho Abdullah. (2011). *Analisis kognitif semantik peribahasa Melayu bersumberkan anjing*. [Tesis sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nurasikin Wan Ismail. (2016) Ikan (Pisces) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 4 (1). 31-42.
- Kamus Dewan*. Edisi Keempat. (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus peribahasa Melayu*. (2015). Pelangi ePublishing.
- Lakoff, G. (1993). The Contemporary Theory of Metaphor. In A. Ortony (Ed.), *Metaphor and Thought (2nd ed.)*. Cambridge University Press.
- Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet. (2019). Ayam (Gallus Gallus Domesticus) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*, 17(1), 36-42.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Mohammad Fadzeli Jaafar & Harishon Radzi (Eds.). (2011). *Kepelbagaian dimensi linguistik*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad & Nurul Huda Mohd Saad. (2010). Peluasan makna imbuhan Ber-: Analisis semantik kognitif. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 10(1), 103 – 123.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2012). *Peluasan makna alim: Analisis semantik kognitif*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Peribahasa parasit dan akal budi Melayu: Analisis semantik inkuisitif. Dalam *Seminar Bahasa dan Sastra 2015* (hlm. 281- 293).
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2003). *Bahasa dalam perniagaan: Satu analisis semantik dan pragmatik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norsimah Mat Awal. (2003). *Analisis struktur dalaman dan peluasan makna kata adjektif dari perspektif semantik kognitif: Terjemahan karya Shahnnon Ahmad*. [Tesis Kedoktoran, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Rozaimah Rashidin & Noriza Daud. (2009). Unsur perlambangan dalam bahasa Melayu: Satu analisis teori relevans. *Jurnal Aswara*.
- Saidatul Nornis Hj Mahali & Mohd Rasdi Saamah. (2013). Haiwan sebagai perlambangan dalam peribahasa orang Semai. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(1), 83-98.
- Saidatul Nornis Mahali & Mohd. Rasdi Saamah. (2013). Haiwan sebagai perlambangan dalam peribahasa orang Semai". *GEMA Online of Language Studies*, 13(1), 83-98.
- Za'ba. (1965). *Ilmu mengarang Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(3).